

Newspaper	Berita Harian
Date	30 June 2015

# Saya sedia terima kritikan: Najib

BH - 30/6/2015

**Putrajaya:** Datuk Seri Najib Razak menegaskan bahawa beliau bersedia menerima kritikan, jauh sekali menolak sebarang kritikan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, setiap kritikan mestilah sesuatu yang membina dan mampu memberi kebaikan.

“Kata (kritik) tidak betul tapi tak bagi tahu apa yang betul. Pertikai, kata kerajaan tiada hasil, kalau tiada hasil manakan kerajaan dapat

membina banyak universiti ... bagaimana nak laksanakan pembangunan untuk negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis berbuka puasa bersama kira-kira 1,700 penuntut universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta dan institut pendidikan guru di Seri Perdana di sini, malam tadi.

Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut menyertai hadirin menunaikan Magh-

rib, Isyak dan sunat tarawih.

Perdana Menteri berkata, setiap sesuatu yang dilakukan oleh kerajaan bukan dibuat sesuka hati, sebaliknya difikirkan semasak-masaknya termasuk manfaat dan faedah yang bakal dinikmati rakyat.

## Beri universiti kuasa

Sementara itu, Najib berkata, kerajaan sedia memberikan kuasa kepada universiti supaya ia dapat membuat keputusan sendiri sebagai usaha

untuk memantapkan institusi pendidikan tinggi itu.

Beliau berkata, dengan memberikan kuasa itu sebarang universiti boleh membuat keputusan tanpa merujuk kepada ‘agensi pusat’, sekali gus membantu melahirkan lebih banyak modal insan untuk memacu daya saing negara.

“Inilah hasrat kerajaan dan pada masa sama saya juga berharap untuk terus mewujudkan hubungan baik dengan siswa,” katanya. **BERNAMA**